

# UniSZA teruskan usaha bantu Orang Asli

**GONG BADAK** - Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) terus komited untuk membantu meningkatkan kualiti hidup masyarakat Orang Asli di Pantai Timur.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Dr Nik Wan Omar berkata, usaha dilakukan melalui aktiviti kesukarelawan itu akan memberi fokus untuk meningkatkan tahap pendidikan Orang Asli.

Katanya, komuniti itu terutama generasi baharu perlu dididik agar tidak terus ketinggalan dalam pelajaran.

"Sukarelawan terdiri daripada penuntut itu akan mengadakan aktiviti di perkampungan terpilih di Pantai Timur. Kehadiran mereka nanti bukan sahaja untuk memberi kesedaran mengenai kepentingan pendidikan, tetapi turut didedahkan dengan kemahiran lain seperti insaniah.

"Sebelum ini penuntut perubahan kita turut mengadakan aktiviti di beberapa kawasan Orang Asli dan menyediakan pemeriksaan kesihatan secara percuma," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian Penutup

Program Komuniti Orang Asli UniSZA 2016 'Ilmu dan Akhlak Insan Melalui Apresiasi Orang Asli' di Dewan Al-Muktafi Billah Shah, UniSZA Kampus Gong Badak.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli Terengganu/Kelantan, Nik Man Nik Ya.

Menurut Nik Wan lagi, selaku universiti yang turut memberi fokus kepada pembangunan komuniti itu, UniSZA sentiasa prihatin mengenai keperluan dan kehendak semua golongan masyarakat.



Antara Orang Asli dari Pantai Timur yang menyertai program di UniSZA.

SINAR HARIAN 24/11/2016